

07 JUL 1998

Hamid-Sudan

SUDAN UCAP TERIMA KASIH KEPADA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Kerajaan Sudan hari ini mengucapkan terima kasih kepada Malaysia kerana menjadi penggerak kepada "pembukaan" negara itu kepada dunia luar, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Katanya, Sudan juga amat berterima kasih kepada Malaysia kerana membantunya membangunkan negara itu, termasuk usaha mengeluarkan petroleumnya dengan kerjasama Petronas.

"Pengeluaran minyak Sudan tahun depan akan menjadikan Sudan antara negara yang terkaya..," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Luar Sudan Dr Mustafa Osman Ismail di pejabatnya di sini.

Katanya, dalam pertemuan itu Dr Mustafa Osman telah menyampaikan ucapan terima kasih kerajaannya kepada Malaysia, terutamanya lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sudan pada Mei lepas.

Dr Abdul Hamid berkata projek pemasangan paip minyak sepanjang 1,500 km merentasi padang pasir hingga ke Port Sudan juga akan dapat membantu pertumbuhan kawasan penempatan, di sepanjang kawasan projek itu.

Katanya, selain itu Sudan juga telah memberi kesediaan menyediakan tanah yang sesuai untuk penanaman padi kepada Beras Nasional Bhd (Bernas) dan penanaman kelapa sawit untuk Tabung Haji.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang turut menerima kunjungan Dr Mustafa Osman berkata lawatan beliau ke negara ini ialah untuk melanjutkan perbincangan dengan Malaysia dalam pelbagai sektor, sebagai susulan kepada lawatan Dr Mahathir ke negara itu.

Antara perkara yang dibincangkan ialah pembayaran dua hala perdagangan dan kerjasama hubungan udara antara syarikat penerbangan negara itu dengan Penerbangan Malaysia.

Beliau juga berkata Malaysia sedang meneliti untuk membeli barangan pada harga berpatutan, seperti minyak kacang tanah, daging lembu dan daging kambing dari Sudan, yang merupakan pembekal daging kepada negara-negara Teluk.

Sudan sebaliknya berminat meneruskan pembelian minyak sawit Malaysia secara kredit.

Kemudian, Mustafa mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Jabatan Perdana Menteri.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas pertemuan selama sejam, Mustafa berkata, beliau telah membincangkan cara-cara melaksanakan perjanjian dan memorandum persefahaman yang ditandatangani antara kedua-dua negara semasa lawatan Dr Mahathir, bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

"Hubungan antara Sudan dan Malaysia di masa depan akan berkembang dalam pelbagai aspek khususnya dalam bidang ekonomi," katanya.

Perbincangan itu juga menyentuh bagaimana memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi dan politik dengan kedua-dua negara sebagai anggota Pergerakan Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Mustafa juga berkata, beliau membincangkan tarikh dan tempat bagi mesyuarat bersama Menteri-menteri bersama Abdullah.

-- BERNAMA

ARA MAM PR